

Rawat masalah rahang dengan pembedahan 3D

Pemotongan dan pemasangan implan titanium pada rahang melalui pembedahan implan cetakan 3D mampu memulihkan masalah struktur wajah yang dialami individu.

EKSTRA

Implan cetakan 3D

- Masalah gigi jongang dan rahang bawah besar lazimnya berlaku sejak kecil disebabkan oleh keturunan atau tekanan pada bahagian rahang
- Bagi kes-kes yang tidak serius, ia boleh dipulihkan dengan memakai pendakap gigi dalam tempoh tertentu
- Bagaimanapun, bagi kes-kes kritikal pula, ia hanya boleh dipulihkan melalui pembedahan
- Pembedahan dilakukan untuk pesakit berumur 18 tahun dan ke atas

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

MASALAH gigi jongang dan rahang bawah besar yang dialami sejak lahir seringkali menjadi igauan ngeri bagi setiap individu.

Disebabkan itu, tidak hairanlah jika individu terbabit seringkali berasa rendah diri terutamanya jika bergaul dengan orang ramai.

Walaupun sebelum ini terdapat kaedah rawatan yang boleh memulihkan masalah tersebut, namun ramai yang mengambil keputusan untuk tidak menjalaninya memandangkan ia mengambil masa yang panjang selain melibatkan banyak prosedur.

Bagaimanapun, tanpa mereka sedari, keadaan tersebut kini boleh dilakukan dengan mudah dan cepat melalui kaedah pembedahan implan cetakan 3D.

Menurut Pakar Bedah Oral Maksilofasial dan Oral Implantologis, Hospital KPJ Tawakkal, Kuala Lumpur, Dr. Shamsul Anuar Ahmad, melalui kaedah implan cetakan 3D, pesakit akan diberikan rawatan untuk memulihkan kembali struktur rahang dan gigi menjadi normal dengan mudah dan cepat.

"Implan cetakan 3D merupakan kaedah baharu untuk merawat masalah gigi dan rahang dalam kalangan individu.

"Kaedah ini ternyata berbeza dengan implan muka tradisional kerana ia bukan sahaja lebih cepat, malah boleh dilakukan dengan tepat mengikut keadaan semasa struktur rahang



STRUKTUR rahang pesakit sebelum dan selepas pembedahan dilakukan. – Gambar hiasan

pesakit.

"Secara tidak langsung kita boleh membantu individu untuk membetulkan kembali wajah mereka dan seterusnya mengembalikan keyakinan diri masing-masing," jelasnya.

Menurut Dr. Shamsul lagi, selain dilakukan untuk merawat masalah gigi dan rahang, implan cetakan 3D juga boleh dilakukan untuk merawat masalah keabnormalan wajah yang berlaku disebabkan oleh kemalangan.

"Sebenarnya, rawatan ini boleh dilakukan untuk merawat apa-apa sahaja masalah yang berkaitan dengan rahang dan mulut.

"Bagaimanapun, rawatan ini hanya boleh dilakukan terhadap pesakit yang berumur 18 tahun dan ke atas sahaja," jelasnya.

Analisis tepat

Biarpun begitu, menurut Dr. Shamsul, pada kebiasaannya, sebelum pembedahan dilakukan, individu perlu memakai pendakap gigi dalam tempoh dua tahun untuk membetulkan struktur yang bermasalah.

"Setelah tamat tempoh dua tahun, pesakit akan menjalani prosedur imbasan CT bagi mendapatkan analisis tepat patologi mereka.

"Gambar imbasan akan dihantar ke sebuah syarikat perisian untuk dianalisis bagi menghasilkan implan cetakan-3D titanium lengkap bersesuaian dengan struktur wajah pesakit," jelasnya.

Menurut Dr. Shamsul lagi, sebelum pembedahan dilakukan, pesakit boleh melihat wajah mereka di

skrin komputer dan ia boleh diubah mengikut kesesuaian wajah asal mereka.

Pendakap gigi

Setelah implan siap dibina, doktor akan melakukan pembedahan pemotongan rahang yang terlebih dan meletakkan titanium tersebut untuk menyambung kembali rahang di tempatnya.

"Lazimnya, pembedahan yang dijalankan mengambil masa lebih daripada enam jam untuk setiap rahang, bergantung kepada tahap masalah pesakit.

"Bagaimanapun, menerusi kaedah ini, pembedahan akan menjadi lebih singkat iaitu kira-kira dua hingga empat jam bagi satu rahang memandangkan kami hanya perlu meletakkan implan dan skru di tempatnya berdasarkan imbasan CT yang dilakukan sebelum ini," jelasnya.

Ternyata, implan cetakan 3D bukan sahaja mudah, malah tidak memerlukan penjagaan yang rumit.

Ini kerana, pesakit dibolehkan untuk makan seperti biasa usai pembedahan siap dijalankan.

Biarpun begitu, menurut Dr. Shamsul lagi, pesakit hanya dibenarkan untuk mengambil makanan-makanan lembut seperti bubur selama enam bulan.

Bukan itu sahaja, mereka juga perlu memakai pendakap gigi selama enam bulan selain menjalani rawatan susulan bagi memastikan keadaan rahang benar-benar berada pada kedudukan yang diinginkan dan tidak kembali kepada kedudukan asal.



IMPLAN titanium akan dipasang pada pesakit selepas rahang dipotong.

DR. SHAMSUL menunjukkan struktur implan yang dilukis dan dicetak terlebih dahulu sebelum dipasang pada pesakit.

